

SESI DIALOG - SESI LIBAT URUS HASiL BERSAMA DENGAN DEWAN/PERSATUAN PERDAGANGAN

MALAYSIA TAHUN 2025

27 OGOS 2025 (RABU)
MENARA HASiL CYBERJAYA

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASiL
1.	Malaysian Petrochemicals <i>There has been a delay in corporate tax and withholding tax refund, and so far, no specific timeline has been communicated to us regarding its release.</i>	Mulai tahun 2025, HASiL telah melaksanakan satu jadual bayaran balik cukai berperingkat yang lebih sistematik dengan mengambil kira faktor usia (<i>ageing</i>) sebagai kriteria utama untuk pembayar cukai syarikat. Pihak HASiL memberi jaminan bahawa setiap permohonan bayaran balik yang layak, terutamanya yang melibatkan syarikat-syarikat SME, akan diproses dan dibayar secepat mungkin setelah semua proses semakan selesai.
2.	Federation of Malaysian Manufacturing (FMM) <i>Tax Refund - Delay in tax refunds, FMM has been alerted by members that that they have been unofficially informed (verbal and not written confirmation by HASiL officer) that companies with income tax overpayment exceeding RM5,000 will</i>	Mulai tahun 2025, HASiL telah melaksanakan satu jadual bayaran balik cukai berperingkat yang lebih sistematik dengan mengambil kira faktor usia (<i>ageing</i>) sebagai kriteria utama untuk pembayar cukai syarikat.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	<i>only be able to receive 5% of the overpayment upfront, while the remaining 95% will be refunded in instalments over a 4-year period.</i> <i>To date, there has been no official written notification of such a policy, nor has any refund schedule been provided to companies. There is a lot of uncertainty if such policy is indeed in</i>	Pihak HASiL memberi jaminan bahawa setiap permohonan bayaran balik yang layak, terutamanya yang melibatkan syarikat-syarikat SME, akan diproses dan dibayar secepat mungkin setelah semua proses semakan selesai.
3.	Malaysian Consortium of Mid-Tier Companies (MCMTC) <i>Refund for overpaid taxes, understand that the refund is made in stages between 20 to 40 months. Compensation for delayed refund was 2% previously but apparently this has been removed in 2020. We proposed to have the refund to be offset directly from tax payable instead of refunded.</i>	Menurut seksyen 111D Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, pampasan sebanyak 2% setahun boleh dibayar kepada seseorang sekiranya amaun bayaran balik cukai tertunggak melebihi tempoh yang ditetapkan di bawah syarat tertentu dan ia masih berkuat kuasa. HASiL mengambil maklum atas permohonan <i>set-off</i> kredit cukai dengan cukai kena dibayar. Pada masa ini, kaedah <i>set-off</i> tersebut tidak dibenarkan. Sekiranya pembayar cukai menghadapi masalah aliran tunai, mereka boleh mengemukakan permohonan rasmi kepada Pejabat HASiL negeri yang mengendalikan fail cukai mereka. HASiL komited untuk memastikan proses bayaran balik dilaksanakan dengan lebih cepat dan lancar agar pembayar cukai tidak terbeban.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
4.	Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) Bagi isu bayaran balik baki cukai yang terlebih bayar, bolehkah HASiL mempertimbangkan kaedah alternatif seperti memberi ruang kepada pembayar cukai menolak lebihan tersebut terus daripada ansuran CP204 semasa atau pada masa akan datang, berbanding hanya melalui proses bayaran balik, sekiranya proses bayaran balik mengambil masa yang lama.	HASiL mengambil maklum atas permohonan <i>set-off</i> kredit cukai dengan ansuran cukai CP204. Pada masa ini, kaedah <i>set-off</i> tersebut tidak dibenarkan. Sekiranya pembayar cukai menghadapi masalah aliran tunai, mereka boleh mengemukakan permohonan rasmi kepada Pejabat HASiL negeri yang berdekatan. HASiL komited untuk memastikan proses bayaran balik dilaksanakan dengan lebih cepat dan lancar agar pembayar cukai tidak terbeban.
5.	Malaysian Consortium of Mid-Tier Companies (MCMTC) <i>Profit forecast for taxation - Companies are penalised if forecasted profit is less than forecast and forecast must be at least 80% of previous year.</i> <i>In current volatile and unpredictable business environment, it is very difficult to forecast, and most companies are falling short and trying to survive.</i>	Menurut subseksyen 107C(3) ACP 1967, amaun minimum anggaran cukai bagi suatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada 85% daripada amaun pindaan anggaran cukai atau amaun anggaran cukai (jika tiada pindaan anggaran cukai dikemukakan) bagi tahun taksiran sebelumnya. Walau bagaimanapun, syarikat boleh membuat pindaan terhadap anggaran tersebut pada bulan ke-6, bulan ke-9 atau bulan ke-11, atau pada ketiga-tiga bulan dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran. Ini memberi fleksibiliti kepada syarikat untuk menyemak

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	<i>Propose to waive the penalties for wrong forecast to help the rakyat.</i>	semula anggaran mereka sekiranya berlaku perubahan ketara dalam prestasi perniagaan sepanjang tahun. Syarikat boleh merayu berhubung penalti yang dikenakan dan Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicara beliau atas sebab munasabah yang ditunjukkan, meremit keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah tersebut di bawah suseksyen 107C(11) ACP 1967.
6.	BASF Malaysia <i>Will there be further tax incentives announced for long established existing companies that are operating in Malaysia?</i>	Pelaksanaan sebarang insentif cukai pada masa hadapan adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara Menteri Kewangan. Segala keputusan berhubung perkara ini akan dibuat oleh Kementerian Kewangan (MOF) dengan mengambil kira pandangan agensi penggalak yang berkaitan.
7.	National Association of Malaysian Life Insurance and Family Takaful Advisors (NAMLIFA) <i>Any project done association is taxable?</i>	Pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan, sewa, faedah (kelas – kelas pendapatan di bawah seksyen 4 ACP 1967) termasuk derma adalah pendapatan yang boleh dikenakan cukai kepada persatuan perdagangan di bawah Seksyen 53 melainkan mendapat kelulusan di bawah Seksyen 44(6) ACP 1967. Sila rujuk contoh pengiraan cukai dalam Ketetapan Umum No. 6 Tahun 2005.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
8.	Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) Kebanyakan dewan/ perdagangan dan persatuan menyatakan kadar penalti yang dikenakan oleh HASiL daripada tindakan audit masih terlalu tinggi, terutamanya bagi ahli-ahli yang terdiri daripada perusahaan kecil dan sederhana (SME). Pada lazimnya, kadar penalti yang dikenakan adalah sekitar 15% ke 45%, iaitu bergantung pada kesalahan yang ke berapa dilakukan. Keadaan ini masih membebankan lagi sektor SME yang masih berada dalam fasa pemulihan dan pembangunan (recovery and development stage) pasca pandemik dan cabaran ekonomi semasa. Sehubungan itu, kami mencadangkan agar HASiL menggunakan lebih banyak budi bicara dalam mengenakan penalti;	i. Kadar penalti yang dikenakan adalah selaras dengan peruntukan ACP 1967 di mana ianya bertujuan untuk memastikan pematuhan cukai secara sukarela, adil dan menyeluruh. Subseksyen 113(2) ACP 1967 memperuntukkan pengenaan penalti boleh dikenakan ke atas sebarang kekurangan atau ketinggalan pendapatan berikutan daripada penemuan audit. Pengenaan penalti ini adalah bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang iaitu 100%. KPHDN boleh menggunakan kuasa budi bicara di bawah subseksyen 124(3) ACP 1967 untuk mengurang atau menghapuskan penalti yang dikenakan. Sebelum tahun 2022, pengenaan penalti dikenakan pada kadar 45% tidak mengambil kira kesalahan kali beberapa. Selepas tahun 2022, struktur pengenaan penalti audit telah ditambah baik dengan mengambil kira bilangan kesalahan yang dilakukan oleh pembayar cukai.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASiL														
	i) Memberi pengecualian penalti ke atas kes-kes yang pertama kecuali bagi kes-kes yang jelas melibatkan fraud/penipuan sebenar seperti wujudkan dokumen yang tidak benar atau transaksi yang tidak benar; atau ii) Hanya terhad untuk 2 tahun semakan sahaja untuk mereka yang kali pertama dikenakan audit atau kesalahan. Langkah ini akan membantu mengurangkan beban tambahan kepada perniagaan, khususnya SME serta menyokong usaha pembangunan ekonomi negara.	<table><tr><th colspan="2">PENALTI TIDAK LAPOR DENGAN BETUL</th></tr><tr><th>Jenis Kesalahan</th><th>S.113(2)</th></tr><tr><td>Kesalahan pertama</td><td>15%</td></tr><tr><td>Kesalahan kedua</td><td>30%</td></tr><tr><td>Kesalahan ketiga dan seterusnya</td><td>45%</td></tr><tr><td>Penemuan audit (pelarasan teknikal)</td><td>0%</td></tr><tr><td>Penemuan audit (penipuan cukai)</td><td>100%</td></tr></table> Sila rujuk Rangka Kerja Audit Cukai Pendapatan dan Majikan Tahun 2025 serta Garis Panduan Operasi Bilangan 3 Tahun 2024 – Prosedur Pengemukaan Borang Nyata Terpinda dalam Portal Rasmi HASiL. Walau bagaimanapun, pembayar cukai boleh membuat rayuan ke atas pengenaan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP1967 dan pertimbangan untuk pengurangan penalti adalah berdasarkan penemuan, fakta, isu dan merit setiap kes. Pengenaan penalti lebih rendah dikenakan bagi kes-kes dimana pengakuan sukarela dibuat oleh pembayar cukai melalui:	PENALTI TIDAK LAPOR DENGAN BETUL		Jenis Kesalahan	S.113(2)	Kesalahan pertama	15%	Kesalahan kedua	30%	Kesalahan ketiga dan seterusnya	45%	Penemuan audit (pelarasan teknikal)	0%	Penemuan audit (penipuan cukai)	100%
PENALTI TIDAK LAPOR DENGAN BETUL																
Jenis Kesalahan	S.113(2)															
Kesalahan pertama	15%															
Kesalahan kedua	30%															
Kesalahan ketiga dan seterusnya	45%															
Penemuan audit (pelarasan teknikal)	0%															
Penemuan audit (penipuan cukai)	100%															

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		a. Borang Nyata Terpinda (Garis Panduan Operasi Bilangan 3 Tahun 2024). b. Tanpa Borang Nyata Terpinda dengan merujuk kepada Rangka Kerja Audit Cukai Pendapatan dan Majikan Tahun 2025. Penalti lebih rendah dikenakan bagi pengakuan sukarela dalam tempoh tertentu (10%–15%). ii. HASiL mengambil maklum atas cadangan untuk mengehendkan tempoh liputan audit kepada dua (2) tahun taksiran sahaja. Pada masa ini, tempoh semakan audit yang dilaksanakan adalah meliputi tiga (3) tahun taksiran. Walau bagaimanapun, liputan tahun taksiran untuk membangkitkan taksiran boleh dilanjutkan sehingga lima (5) tahun taksiran kebelakang bergantung kepada isu-isu audit yang ditemui semasa semakan dokumen. Had bagi tempoh liputan ini tidak terpakai bagi kes audit yang melibatkan penipuan (fraud), keingkaran sengaja (wilful

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		default) atau kecuaiian (negligence) seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 91(3) ACP 1967.
9.	BASF Malaysia <i>How would IRB assist taxpayers in complying with GMT filing obligations?</i>	HASIL menyediakan pelbagai bentuk sokongan untuk membantu pembayar cukai yang termasuk dalam skop bagi obligasi pemfailan Cukai Minimum Global (GMT): 1. Satu pasukan khusus telah ditubuhkan untuk menguruskan semua pertanyaan berkaitan GMT dan menyediakan bantuan teknikal.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		Pembayar cukai boleh mengemukakan soalan melalui e-mel kepada tf2p@hasil.gov.my 2. Untuk membantu pembayar cukai memahami peraturan dan membuat persediaan sewajarnya, HASiL telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan GMT di Malaysia pada Disember 2024. Panduan lanjut mengenai Cukai Tambahan Domestik dijangka akan dikeluarkan menjelang Disember 2025. 3. Pembayar cukai juga boleh merujuk kepada Portal Rasmi HASiL yang menyediakan maklumat terkini, sumber dan Soalan Lazim (FAQ). 4. Satu platform pemfailan dalam talian khusus sedang dibangunkan dan disasarkan untuk mula beroperasi pada suku pertama 2027. 5. Panduan dan arahan akan diberikan untuk memastikan penyerahan yang tepat dan menepati masa oleh pembayar cukai yang termasuk dalam skop.
10.	Malaysian Petrochemicals Association (MPA) <i>We would like to seek clarification on whether the current exemption under Section 39(1)(r) of the Income Tax Act 1967, which is scheduled to expire at the end of the Year of Assessment 2025, will be</i>	Pada masa ini, tiada pengumuman rasmi dibuat mengenai pelanjutan pengecualian ini.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	<i>extended - particularly for Petrochemicals players dealing with Labuan entities operating under the Global Incentives for Trading (GIFT) programme.</i>	Cadangan boleh dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan. Sebarang keputusan yang melibatkan dasar dan polisi Kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian sepenuhnya.
11.	Federation of Malaysian Manufacturing (FMM) <i>Stamp Act 1949. FMM thanks the Ministry of Finance and HASiL for their prudent and considerate decision to exempt employment contracts executed before 1st January 2025 from stamp duty, and for remission of penalties on all late stamping for such contracts. We also welcome the further decision on the remission of penalties for any non-compliance involving contracts executed during the 2025 transition year, provided these are stamped before December 31, 2025.</i> <i>However, it is noted that for employment contracts, the current wage threshold for exemption provided under the First Schedule of the Stamp Act 1949 is outdated at RM300. It is important to understand</i>	HASiL mengambil maklum atas cadangan berkenaan. Pihak FMM boleh mengemukakan cadangan tersebut kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan. Sebarang keputusan yang melibatkan dasar dan polisi Kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian sepenuhnya.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	<i>why the RM300 was set as the threshold during the time when the exemption threshold was introduced in the Act. It is very likely that it was set to ensure that the provision only applies to the higher skilled job wage earners and to exempt the vast majority.</i> <i>Recommendations: In moving forward, FMM respectfully urges the Government to consider regularising and updating the First Schedule of the Stamp Act 1949 to reflect current economic and business realities. FMM recommends that the threshold for stamp duty exemption for employment contracts be increased from the current RM300 to RM10,000, in line with modern salary benchmarks and industry norms.</i>	
12.	The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) <i>Many raise the concern on non-audited account that are not allowed to support the transfer of share in which HASiL requires the latest audited account to</i>	HASiL mengambil maklum atas isu yang dibangkitkan. Pada masa ini, ketetapan sedia ada adalah seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pindah Milik Saham Tidak Tersenarai yang dikeluarkan HASiL pada tahun 2019.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	<i>perform adjudication. Audit exemption for SMEs is to ease the financial burden by exempting auditing of accounts if fulfils audit exemption criteria.</i> <i>However, as and when transfer of share arises, SMEs require to audit its financial statements which becomes burdensome to SMEs. On a separate issue, is an electronic signature recognised on an instrument of transfer?</i>	Seksyen 2, Akta Setem 1949 memperuntukkan definisi bagi perkataan “<i>writing</i>” or “<i>written</i>” termasuklah <i>any handwriting, typewriting, printing, electronic record or transmission which is in an electronically readable form</i>. Oleh itu, tandatangan elektronik termasuk juga di bawah tafsiran ini dan boleh diguna pakai di dalam sesuatu surat cara.
13.	<i>HASiL requires first set of management accounts if the stamping of instrument of transfer is within the 18-month. However, for stamping of instrument of transfer beyond the 18-month, audited financial statements are required to adjudicate the stamp duty. By referring to sections 248 and 258 of CA2016, company is given 24 months to finalise, audit and circulate its first set of financial statements. Hence, HASiL should consider extending the management accounts from 18-month to 24-month.</i>	HASiL mengambil maklum atas cadangan tersebut. Untuk makluman, penyediaan Garis Panduan Pindah Milik Saham Tidak Tersenarai (2019) telah dirangka dengan mengambil kira keperluan dan peruntukan yang ditetapkan di bawah seksyen 248 dan seksyen 258 Akta Syarikat 2016.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
14.	Malaysia Retailers Association <i>Is TIN number mandatory for bulk stamping because for bulk stamping, we need to prepare data of employees manually to insert in the .XML database.</i>	Pada masa ini, tiada keperluan untuk mengisi Nombor Pengenalan Cukai (TIN) bagi permohonan penyeteman secara berkelompok (bulk) yang dikemukakan melalui fail XML.
15.	Malaysia Retailers Association <i>For normal stamping in system manually (not bulk), when we key in staff's IC number, but TIN number didn't automatically generate, means this staff don't have TIN number and its not mandatory to key in Tax Identification Number?</i>	Pihak-pihak dalam perjanjian tidak perlu mengisi Nombor TIN secara manual di dalam sistem. Nombor TIN akan dipaparkan secara automatik selepas maklumat berikut dimasukkan: i. Individu: No. Pengenalan Diri ii. Syarikat: No. Pendaftaran Syarikat (jika ada) Bagi individu yang belum mempunyai rekod Nombor TIN, pengguna perlu memasukkan maklumat jantina dan tarikh lahir di dalam sistem. Setelah maklumat tersebut dimasukkan, permohonan penyeteman boleh diteruskan tanpa sebarang halangan.
16.	Malaysian Petrochemicals Association (MPA) <i>In view of the recent losses experienced by the petrochemicals industry players and the volatile market outlook, we hope HASiL will consider extending the time limit for carrying forward</i>	Ketetapan Umum (KU) No. 1/2022 yang diterbitkan pada 20 Jun 2022 telah menjelaskan mengenai had masa bagi kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan. Melalui pindaan di bawah Akta Kewangan 2021 [Akta 833], had masa kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap untuk dihantar ke hadapan bagi suatu tahun taksiran telah dipanjangkan daripada

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	<i>unabsorbed adjusted business loss beyond the current 10-year period.</i>	tujuh (7) tahun taksiran berturutan kepada sepuluh (10) tahun taksiran berturutan, berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2019. Pindaan ini telah mengambilkira pandangan daripada pelbagai pihak industri dan layanan cukai ini terpakai kepada semua industri. Pihak MPA boleh mengemukakan cadangan tersebut kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan. Sebarang keputusan yang melibatkan dasar dan polisi Kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian sepenuhnya.
17.	Malaysian Petrochemicals Association (MPA) <i>Additionally, in light of Malaysia's commitment to implement OECD BEPS 2.0 Pillar Two, we would appreciate your guidance on whether the concerns previously raised regarding the Labuan tax regime have been addressed through the introduction of the Global Anti-Base Erosion (GloBE) Rules, and how these rules will apply to Labuan GIFT entities—especially in terms of effective tax rate (ETR) calculations, jurisdictional blending, and substance-based exclusions.</i>	<i>GMT legislation is only applicable to Labuan GIFT entities if they are members of an MNE Group with annual revenue of EUR 750 million or more in the Consolidated Financial Statements of the Ultimate Parent Entity for at least two of the four consecutive Financial Years immediately preceding the tested Financial Year.</i> <i>Due to the tax incentives received, Labuan GIFT entities within the scope of GMT may have a lower jurisdictional effective tax rate (ETR). If the ETR falls below 15%, a top-up tax will be levied to raise the total tax paid to the minimum rate of 15%. However, these entities within scope may reduce their top-up tax exposure through jurisdictional</i>

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		<i>blending. They are allowed to aggregate income and taxes with other Constituent Entities within the same Group that are subject to higher tax rates in Malaysia. Additionally, Labuan GIFT entities may exclude a portion of income from the top-up tax calculation, based on certain percentages of tangible assets and payroll as specified under Section 197 of the Income Tax Act 1967.</i>
18.	Malaysian Petrochemicals Association (MPA) <i>How can the Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM) support and promote the domestic petrochemical industry—given its contribution of over 5% to Malaysia’s GDP—considering the rising cost of doing business due to the introduction of SST and the potential impact of ongoing US tariff negotiations?</i>	Pengenalan kepada SST dan kesan perundingan tarif akan memberi kesan kepada peningkatan kos kepada semua industri, bukan hanya kepada industri petrokimia sahaja. Dalam menyokong dan mempromosikan industri petrokimia domestik, pelbagai insentif telah diberikan kepada syarikat-syarikat pengilangan ini seperti elaun pelaburan cukai, taraf perintis, pengecualian cukai berdasarkan nilai peningkatan eksport, sokongan insentif berkaitan teknologi dan tenaga hijau (ESG / Green), <i>Green Investment Tax allowance</i> (GITA), insentif khas untuk zon perindustrian dan hiliran petrokimia, dan beberapa insentif lagi. Syarikat boleh menuntut insentif-insentif sedia ada dalam tempoh yang diluluskan.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
19.	Malaysian Wood Industries Association (MWIA) Cadangan penambahbaikan layanan cukai untuk perhutanan ladang (Plantation Forest) dan penghutanan semula hutan asli: 1. Pemberian rangka kerja insentif 10 tahun untuk perhutanan ladang dan penghutanan semula hutan asli, melalui mekanisme seperti pengurangan kerugian (absorb losses) atau spesifik yang mencerminkan kitaran pelaburan jangka panjang dan kepentingan negara dalam penghutanan semula. 2. Pengiktirafan penjanaan kredit karbon dari ladang dan hutan semula sebagai aktiviti ekonomi yang sah dan menyumbang kepada kelestarian dan komitmen iklim Malaysia. 3. Membenarkan potongan cukai dua kali (double tax deduction) bagi perbelanjaan yang ditanggung untuk memenuhi piawaian pematuhan antarabangsa dan ESG seperti	Cadangan boleh dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan. Sebarang keputusan yang melibatkan dasar dan polisi Kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian sepenuhnya.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASiL
	sistem kebolehdagangan EUDR dan audit ESG, yang semakin mandatori untuk akses pasaran global dan pelaburan.	
20.	Adakah HASiL akan mengeluarkan senarai instrumen/perjanjian yang tertakluk kepada duti setem (stamp duty) sebagai panduan untuk penilaian sendiri (self-assessment)?	Sistem Taksir Sendiri (STS) Duti Setem akan dilaksanakan secara berfasa mulai tahun 2026. HASiL sedang menyediakan garis panduan dengan memberi fokus awal kepada pelaksanaan fasa pertama, yang dijangka akan dikeluarkan sebelum bermulanya tahun 2026. Pada masa yang sama, HASiL turut menjalankan sesi libat urus (engagement) bersama pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan garis panduan yang dihasilkan adalah jelas dan komprehensif.
21.	Bolehkah HASiL mengeluarkan kenyataan media berkenaan proses bayaran balik cukai (refund) untuk pemahaman yang lebih mudah oleh awam?	Proses bayaran balik adalah seperti yang dinyatakan di laman rasmi HASiL. Sekiranya bayaran balik tidak diterima dalam tempoh, permohonan boleh dikemukakan kepada Pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai. Mulai tahun 2025, HASiL telah melaksanakan satu jadual bayaran balik cukai berperingkat yang lebih sistematik dengan mengambil kira faktor usia (<i>ageing</i>) sebagai kriteria utama untuk pembayar cukai syarikat.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		Pihak HASiL memberi jaminan bahawa setiap permohonan bayaran balik yang layak, terutamanya yang melibatkan syarikat-syarikat SME, akan diproses dan dibayar secepat mungkin setelah semua proses semakan selesai.
22.	Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) Apakah strategi HASiL untuk meningkatkan kesedaran pembayaran cukai pegangan (Withholding Tax) bagi pengiklanan digital, memandangkan ramai yang tidak maklum kewajipan ini untuk melayakkan belanja yang dibuat mendapat tolakan?	HASiL telah mengeluarkan Nota Amalan No. 1/2018 - Layanan Cukai Pengiklanan Digital Disediakan oleh Bukan Pemastautin pada 16 Mac 2018 untuk rujukan pembayar cukai. HASiL mengambil maklum cadangan tersebut dan akan meneliti kaedah terbaik untuk memperkukuh penerangan berkenaan pematuhan cukai pegangan kepada pihak yang terlibat dalam pengiklanan digital.
23.	Gabungan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) Bolehkah HASiL membenarkan semakan semula anggaran cukai CP204 tanpa perlu mematuhi had	Menurut subseksyen 107C(3) ACP 1967, amaun minimum anggaran cukai bagi suatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada 85% daripada amaun pindaan anggaran cukai atau amaun anggaran cukai

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	85% dan tanpa mengaudit syarikat semasa permohonan semakan?	(jika tiada pindaan anggaran cukai dikemukakan) bagi tahun taksiran sebelumnya. Walau bagaimanapun, syarikat boleh membuat pindaan terhadap anggaran tersebut pada bulan ke-6, bulan ke-9 atau bulan ke-11, atau pada ketiga-tiga bulan dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran. Ini memberi fleksibiliti kepada syarikat untuk menyemak semula anggaran mereka sekiranya berlaku perubahan ketara dalam prestasi perniagaan sepanjang tahun. Selain itu, HASiL tidak akan melakukan pengauditan sekiranya anggaran cukai kurang 85% kerana pemilihan kes audit adalah berdasarkan kepada kriteria penilaian risiko percukaian yang ditetapkan. Sekiranya semakan mendapati pindaan CP204 pada bulan ke-6 adalah terlalu signifikan, HASiL akan menghubungi syarikat tersebut bagi mendapatkan penjelasan lanjut dan justifikasi. Jika tiada alasan kukuh dikemukakan, HASiL mempunyai kuasa untuk mengekalkan anggaran cukai asal.
24.	Kelab Usahawan Bumiputra Malaysia	Bagi mana-mana yayasan yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, pendapatan mereka adalah dikecualikan cukai. Bagi

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	Berkenaan yayasan yang mendapat pengecualian cukai: Adakah potongan cukai 10% agregat untuk penderma (orang yang membayar) adalah sama dengan pengecualian cukai total?	pihak yang membayar atau menderma, mereka akan mendapat potongan cukai, tetapi ia dihadkan kepada 10% daripada agregat pendapatan mereka.
25.	Mengapa peruntukan dalam akta cukai pendapatan yang menganggap pampasan pengambilan wajib sebagai pendapatan masih dikekalkan, sedangkan terdapat kes mahkamah yang telah memutuskan ia bercanggah dengan perlembagaan?	Terdapat kes yang masih menunggu keputusan mahkamah bagi menentukan sama ada keputusan tersebut akan terpakai secara retrospektif atau prospektif. HASiL masih mempertahankan justifikasi dalam kes-kes yang sedang dibicarakan.
26.	Adakah kegagalan mengemukakan borang nyata cukai pendapatan untuk tahun taksiran 2021 akan menyebabkan penalti dikenakan walaupun tiada cukai perlu dibayar, dan adakah ia akan menjejaskan sijil TCC (Tax Compliance Certificate)?	Status Pematuhan bagi <i>Tax Compliance Certificate</i> (TCC) adalah berdasarkan semakan pematuhan terhadap: i. Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi 3 Tahun Taksiran (TT) terkini; ii. Pembayaran Tanggungan Cukai bagi tiga (3) Tahun Taksiran terkini. Bagi tahun 2025, semakan pematuhan TCC adalah melibatkan pematuhan bagi TT2021 hingga TT2023 memandangkan BNCP dan bayaran bagi TT2024 hanya akan dikemuka dan dibayar dalam tahun

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		2025 ini. Kegagalan mengemukakan BNCP bagi TT2021 akan menyebabkan status “TIDAK PATUH” dikeluarkan semasa semakan TCC. Pelarasan status hanya dilakukan setelah pengemukaan BNCP dilakukan dan tanggungan cukai telah dibayar sepenuhnya. Kegagalan mengemukakan BNCP juga boleh menyebabkan Taksiran Anggaran dikeluarkan oleh LHDNM. Penalti hanya akan dikenakan jika wujud tanggungan cukai pada taksiran anggaran yang dikeluarkan.
27.	Malaysian Employers Federation (MEF) Adakah majikan pekerja asing masih perlu memotong cukai 30% untuk pekerja yang berstatus bukan pemastautin?	Di bawah ACP 1967, majikan adalah diwajibkan membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) ke atas semua pekerja termasuk pekerja asing. Bagi pekerja asing yang tidak memenuhi mana-mana kriteria pemastautin yang digariskan di bawah seksyen 7 ACP 1967, maka pekerja asing tersebut dianggap tidak bermastautin di Malaysia untuk tujuan cukai pendapatan dan pendapatannya akan dikenakan cukai pada kadar 30%. Oleh itu, majikan perlu membuat potongan PCB pada kadar 30% daripada pendapatan penggajian pekerja asing tersebut sehingga

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		mereka memenuhi syarat untuk menjadi pemastautin cukai di Malaysia. Setelah pekerja berstatus pemastautin cukai, kadar cukai pendapatan berstatus pemastautin akan terpakai dan majikan boleh membuat pelarasan potongan sewajarnya.
28.	Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) Bolehkah HASIL memberi kelonggaran untuk kes sekatan keluar negara, terutama untuk pembayar cukai yang mempunyai rayuan anggaran cukai atau kes yang sedang diaudit?	Sekatan perjalanan dikenakan atas kegagalan pembayar cukai menjelaskan tunggakan cukai termasuklah cukai taksiran anggaran. Di bawah peruntukan subseksyen 103(1) ACP 1967, cukai yang kena dibayar di bawah suatu taksiran bagi suatu tahun taksiran adalah kena dibayar pada tarikh genap masa (due date) sama ada orang itu membuat rayuan terhadap taksiran itu atau tidak. Adalah menjadi tanggungjawab pembayar cukai untuk menjelaskan cukai kena dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan walaupun cukai itu adalah cukai taksiran anggaran. Walau bagaimanapun, bagi pembayar cukai yang dikenakan sekatan perjalanan dan ingin ke luar negara, pelepasan sementara boleh diberikan untuk tempoh tertentu dengan syarat pembayar cukai menjelaskan amaun tertentu dan bakinya dibayar secara ansuran.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
29.	Apakah insentif cukai khusus yang boleh diperkenalkan untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor pelancongan? Contoh: pembangunan <i>homestay</i>, syarikat bas pelancongan, Syarikat <i>inbound</i>: <i>State tax</i>, <i>tourism tax</i>.	Kerajaan melalui agensi yang bertanggungjawab iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menawarkan insentif percukaian berkaitan hotel dan juga projek pelancongan. Antara insentif percukaian bagi menggalakan pelaburan dalam sektor pelancongan adalah pengecualian cukai melalui taraf perintis atau pun melalui pemberian elaun cukai pelaburan ke atas perbelanjaan modal yang layak bagi aktiviti pelancongan tertentu yang layak. Permohonan insentif ini perlu dibuat kepada MIDA sebelum diluluskan oleh Menteri.
30.	Adakah hutang lapuk di bawah SST (boleh tuntutan jika tidak bayar dalam tempoh 6 bulan) selari dengan tafsiran hutang lapuk di bawah ACP 1967?	Tafsiran hutang lapuk di bawah SST dan di bawah ACP 1967 adalah berbeza. SST adalah tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan sebarang hutang lapuk yang timbul berkaitan SST boleh dituntut semula daripada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sila rujuk laman sesawang JKDM berkaitan. Hutang Lapuk di bawah ACP 1967 adalah hutang yang timbul daripada perdagangan di mana hutang tersebut telah diambil kira di dalam pendapatan kasar perniagaan seseorang bagi tempoh asas suatu tahun taksiran sebelum tahun taksiran berkenaan yang

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		dianggarkan secara munasabah tidak boleh dipungut semula selepas langkah-langkah munasabah telah diambil untuk memungutnya. Sila rujuk Ketetapan Umum No. 4 Tahun 2019 berkaitan layanan cukai ke atas hutang lapuk.
31.	<i>Are interns Agreement required to stamp?</i>	Ya. Perjanjian latihan industri perlu tindakan penyeteman kerana ia termasuk di bawah Butiran 4 Jadual Pertama Akta Setem 1949.
32.	<i>Based on IRB's position, bilateral tax credit may not be available for Taiwan case as the provision on elimination of double tax was not included in PU(A)201/1998. We hope IRB can provide concession.</i>	Malaysia tidak menguatkuasakan Perjanjian antara The Taipei Economic and Cultural Office in Malaysia and The Malaysian Friendship and Trade Centre in Taipei (TECO) menerusi penguatkuasaan Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK) di bawah seksyen 132 ACP 1967. Malaysia menguatkuasakan Perjanjian TECO tersebut menerusi Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 1998 [<i>P.U. (A) 201/1998</i>] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 1998 [<i>P.U. (A) 202/1998</i>]. Pencukaaian dua kali (double taxation) dielakkan menerusi cara mengecualikan (exempt) pendapatan yang disenaraikan di dalam

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		P.U. (A) 201/1998, dan menerusi pemberian kredit bilateral (dua hala) terhadap pembayar cukai tersenarai di bawah P.U. (A) 202/1998.
33.	Boleh ke LHDNM memberi kelonggaran untuk kes sekatan luar negara terutamanya untuk pembayar cukai yg dikenakan sekatan kerana anggaran cukai, pembayar cukai telah menghantar borang cukai dan telah memohon untuk revise audit	Sekatan perjalanan dikenakan atas kegagalan pembayar cukai menjelaskan tunggakan cukai termasuklah cukai taksiran anggaran. Di bawah peruntukan subseksyen 103(1) ACP 1967, cukai yang kena dibayar di bawah suatu taksiran bagi suatu tahun taksiran adalah kena dibayar pada tarikh genap masa (due date) sama ada orang itu membuat rayuan terhadap taksiran itu atau tidak. Adalah menjadi tanggungjawab pembayar cukai untuk menjelaskan cukai kena dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan walaupun cukai itu adalah cukai taksiran anggaran. Walau bagaimanapun, pembayar cukai yang dikenakan sekatan perjalanan dan ingin ke luar negara, pelepasan sementara boleh diberikan untuk tempoh tertentu dengan syarat pembayar cukai menjelaskan amaun tertentu dan bakinya dibayar secara ansuran.
34.	<i>In any tax audit or investigation, can IRBM indicate whether it is corporate tax audit or TP audit? For</i>	Audit cukai / siasatan cukai yang dijalankan oleh HASiL merangkumi semakan atas transaksi antara syarikat berkaitan. Isu Harga Pindahan boleh dibangkitkan pada bila-bila masa sepanjang tempoh

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
	<i>certain desk audit, IRBM include TP adjustments for 7 years which make the case become TP audit</i>	audit / siasatan sekiranya HASiL mendapati sebarang transaksi tidak dijalankan mengikut prinsip selengan (arm's length principle).
35.	Malaysian Consortium of Mid-Tier Companies (MCMTC) <i>In view of the cash flow challenges, who can we contact for the tax refund ?</i>	Sekiranya pembayar cukai menghadapi masalah aliran tunai, mereka boleh mengemukakan permohonan rasmi kepada Pejabat HASiL negeri yang mengendalikan fail cukai mereka. HASiL komited untuk memastikan proses bayaran balik dilaksanakan dengan lebih cepat dan lancar agar pembayar cukai tidak terbeban.
36.	Malaysian Consortium of Mid-Tier Companies (MCMTC) <i>- following up to our issue of cash flow challenges, kindly advise to whom should we submit our case to request for quicker refund as offset of our over paid taxes are not possible?</i>	Sekiranya pembayar cukai menghadapi masalah aliran tunai, mereka boleh mengemukakan permohonan rasmi kepada Pejabat HASiL negeri yang mengendalikan fail cukai mereka. HASiL komited untuk memastikan proses bayaran balik dilaksanakan dengan lebih cepat dan lancar agar pembayar cukai tidak terbeban.
37.	<i>Retail sector facing high turnover. If hire within a that month but only work for 4days, so do we need to do the stamp duty on the contract?</i>	Ya, semua jenis surat cara dan perjanjian seperti yang tersenarai di Jadual I, Akta Setem 1949 di antara satu pihak atau lebih perlu disetamkan.
38.	<i>We urge the IRB to allow exemption from stamping for related co agreements to relieve burden for the businesses</i>	Semua jenis surat cara dan perjanjian seperti yang tersenarai di Jadual I Akta Setem 1949 di antara satu pihak atau lebih perlu disetamkan, termasuk surat cara dan perjanjian <i>inter-co</i> .

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		LHDNM tidak mempunyai kuasa untuk memberikan pengecualian duti setem selain yang diperuntukkan dalam Akta Setem 1949. Permohonan boleh dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan. Sebarang keputusan yang melibatkan pengecualian duti setem adalah di bawah bidang kuasa Kementerian sepenuhnya.
39.	<i>Why IRBM impose surcharge on the advances given to overseas related companies which foreign interest income is only taxable upon remittance into Malaysia? There is no loss of tax revenue to IRBM</i>	Pendapatan faedah yang diterima daripada pendahuluan biasanya merujuk kepada sokongan kewangan rentas sempadan (kebiasaannya dalam bentuk pinjaman antara syarikat atau instrumen seakan hutang) yang disediakan oleh syarikat pemastautin Malaysia kepada syarikat berkaitan yang terletak di luar Malaysia. Pendapatan ini adalah tertakluk kepada cukai korporat pada kadar 24% semasadiiremitkan ke Malaysia. Sekiranya faedah yang dikenakan atas pendahuluan kepada syarikat berkaitan luar negara tidak dibuat pada harga pasaran (arm's length), surcaj akan dikenakan ke atas amaun pelarasan Harga Pindahan (TP) tersebut.

BIL.	SOALAN / ISU	MAKLUM BALAS HASIL
		Surcay yang dikenakan adalah berkaitan dengan ketidakpatuhan harga pindahan, dan ia bukan berkaitan dengan pengenaan cukai atas pendapatan faedah semasa <i>remitted</i> ke Malaysia.
40.	<i>Will LHDN issue a list of instruments/agreements which are subject to stamp duty as a guide to duty payers?</i>	Senarai instrumen/perjanjian yang perlu disetemkan telah dinyatakan dalam Jadual 1, Akta Setem 1949.